



**EVOLUSI
DEKAD**
DEKAD LAYANAN BAKA ke UTM
1956-2026



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

Pusat
Residensi dan
Hospitaliti Pelajar

eISSN 2838-0002



9 772838 000002

EDISI 1/2026

INSPIRA

Info-Siswa-Aspirasi-Residensi

PRHP

e-Buletin

Pusat Residensi & Hospitaliti Pelajar



**Dapur Siswa
MADANI UiTM**



**Food Bank
Siswa UiTM**



**Menu Kasih
Siswa UiTM**



**MALAYSIA
MADANI**

UiTM *di hastika*

إرشاد الطلاب

prhputimsa@uitm.edu.my



@prhputimsa

TINTA PENGHARGAAN

SEKALUNG APRESIASI & SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN

Oleh: Sidang Redaksi INSPIRA PRHP

Kejayaan dan kelangsungan pelbagai inisiatif kebajikan pelajar di seluruh sistem UiTM sama ada **Dapur Siswa MADANI UiTM**, **Food Bank Siswa UiTM**, mahupun **Menu Kasih UiTM** tidak akan menjadi kenyataan tanpa sokongan padu, keprihatinan, dan komitmen berterusan daripada pelbagai pihak.

Pusat Residensi & Hospitaliti Pelajar (PRHP) bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua rakan strategik, penyumbang, dan pelaksana yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung:

- **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT):** Atas saluran peruntukan kewangan khusus, dorongan dasar, serta keprihatinan berterusan yang menjadi pemangkin utama kepada pelaksanaan program kebajikan pemakanan mahasiswa berskala besar di seluruh sistem universiti.
- **Yayasan Perkasa Siswa (YPS):** Setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas sumbangan dana, komitmen padu, serta sokongan berterusan dalam memperkasakan agenda kesejahteraan dan kebajikan mahasiswa institusi pengajian tinggi.
- **Naib Canselor:** Atas visi kepimpinan strategik, dorongan berterusan, dan sokongan padu dalam memastikan agenda kesejahteraan serta kebajikan mahasiswa sentiasa menjadi keutamaan tertinggi universiti.
- **Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar:** Atas kepimpinan proaktif, panduan berterusan, dan komitmen jitu dalam merangka serta mengemudi pelbagai program kebajikan pelajar di seluruh sistem UiTM Se-Malaysia.
- **Rektor:** Atas kepimpinan berwawasan di peringkat cawangan, sokongan padu, dan komitmen berterusan dalam memangkinkan keberkesanan inisiatif kebajikan demi manfaat mahasiswa di setiap kampus.
- **Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar:** Atas penyeliaan rapi, kesungguhan, dan pengurusan berkesan di peringkat cawangan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program kebajikan di lapangan.
- **Majlis Pengetua Kolej Kediaman:** Atas dedikasi barisan hadapan, komitmen tinggi, dan pemantauan terus di kolej-kolej kediaman bagi memastikan bantuan makanan disalurkan secara efektif dan kualitatif kepada pelajar yang memerlukan.
- **Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) UiTM:** Atas sinergi mantap dalam mengurus, menyalurkan dana zakat dan infak, serta sentiasa bersiap sedia menyantuni keperluan asas kebajikan mahasiswa yang memerlukan.

- **Bank Rakyat:** Atas komitmen Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan jalinan kerjasama strategik yang berterusan dalam menyokong pelbagai inisiatif serta bantuan kepada pelajar UiTM.
- **Warga UiTM (Pengurusan, Staf Akademik, Pentadbiran & Alumni):** Terima kasih yang tidak terhingga atas keprihatinan berterusan menerusi sumbangan peribadi, infak bulanan, mahupun sokongan moral yang mencerminkan keutuhan budaya *culture of care* di kampus kita.
- **Kepimpinan Mahasiswa (MPP, JPK & JPNR):** Syabas dan tahniah atas komitmen tanpa henti di barisan hadapan dalam menyelaraskan logistik, pengagihan, serta memastikan bantuan sampai ke tangan penerima secara saksama dan telus.
- **Peniaga & Pengusaha Kafeteria Kampus:** Atas kerjasama erat bersama pengurusan fakulti, kolej kediaman, dan Non Resident (NR) dalam menyediakan hidangan berkhasiat pada harga rahmah serta menyerap kos demi kebajikan pelajar.

Semoga segala usaha murni, sumbangan dana, serta tenaga yang dicurahkan ini mendapat ganjaran kebaikan yang berlipat ganda daripada Allah SWT. Sinergi teguh ini membuktikan bahawa apabila kita bersatu hati, kebajikan dan kemenjadian mahasiswa dapat terus dipelihara demi masa depan negara.



اَوْبُوْكَرْ سَيِّدِيْ تَيْكُوْنُوْ لَوِيْكَنْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Jabatan
Hal Ehwal Pelajar



اوسها تقوى موليا

Universiti Unggul Pemacu
Bumiputera Profesional

